




KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH
Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU
Sabah, Malaysia
Tel.: 088-368000 Faks: 088-213584
Website: www.mof.sabah.gov.my



Tel. : 088-368179
Bil. : KEW(S)100-4/1 Kit.4/
Tarikh : 01 April 2019

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil
Semua Pegawai Eksekutif Pihak Berkuasa Tempatan

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BIL : 2/ 2019
GARIS PANDUAN PENGGUNAAN PERKHIDMATAN BAYUCLOUD
KERAJAAN NEGERI SABAH**

1. PENGENALAN

Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah (JPKN) telah mengenalpasti pendekatan yang sesuai dalam meningkatkan lagi tahap penggunaan dan kemahiran ICT (*Information and Communications Technology*) di kalangan warga kerja Kerajaan Negeri Sabah (KNS), seiring dengan pencapaian kemajuan ICT KNS iaitu dengan memberikan perkhidmatan *Cloud Storage* yang dikenali sebagai BayuCloud.

Perkhidmatan ini diharap dapat menambahbaik prestasi perkhidmatan warga kerja KNS agar lebih cekap dengan mengoptimumkan penggunaan kemudahan yang disediakan. Kemudahan ini akan dilaksanakan secara berperingkat, bermula dengan peringkat pertama yang menasaskan seramai 400 orang pengguna. Peringkat kedua akan ditentukan berdasarkan kepada sambutan dan tahap tuntutan keperluan daripada pengguna.

1.1 Tujuan

Garis panduan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan warga kerja KNS mengenai perkhidmatan BayuCloud KNS dan panduan penggunaannya.



1.2 Skop

Garis panduan ini digunapakai oleh KNS. Ianya meliputi kemudahan yang disediakan untuk pengguna perkhidmatan BayuCloud, panduan penggunaan perkhidmatan BayuCloud dan pengurusan rekod atau dokumen dalam BayuCloud.

1.3 Tanggungjawab

Warga kerja KNS adalah bertanggungjawab dalam memastikan garis panduan ini difahami, dipatuhi dan digunapakai dalam penggunaan perkhidmatan BayuCloud di jabatan atau agensi masing-masing.

2. PERKHIDMATAN BAYUCLOUD UNTUK KAKITANGAN KERAJAAN NEGERI SABAH

Dalam dunia moden yang pantas dan pesat berkembang maju kini, kemudahan dan perkhidmatan ICT haruslah pantas dan mudah dicapai di mana-mana pada bila-bila masa. Penggunaan *cloud storage* merupakan satu kemudahan dan alternatif yang terbaik dalam aspek penyimpanan data, sama ada data rasmi Kerajaan atau peribadi. Pelbagai aplikasi *cloud storage* tersedia seperti Apple dengan iCloud, Google dengan Google Drive dan Windows dengan SkyDrive. Mengambil kira prinsip ini, perkhidmatan BayuCloud khusus untuk penyimpanan data rasmi Kerajaan Negeri diperkenalkan untuk kemudahan warga kerjanya.

2.1 Definisi perkhidmatan BayuCloud

Perkhidmatan BayuCloud merupakan perkhidmatan yang menyediakan media penyimpanan data secara atas talian kepada para pelanggan. Media penyimpanan data atas talian (utiliti) ini perlu mempunyai akses kepada Internet untuk dicapai di mana-mana pada bila-bila masa dengan menggunakan mana-mana komputer atau peranti mudah alih lain (seperti *smartphone*).

2.2 Faedah perkhidmatan BayuCloud

Perkhidmatan BayuCloud memberi peluang kepada warga kerja KNS untuk mempertingkatkan perkhidmatan, fleksibiliti penyimpanan dan pencapaian data, mempertingkatkan kemahiran penggunaan ICT, dan berupaya meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dengan lebih pantas, mantap dan berterusan.

Faedah-faedah lain adalah termasuk yang berikut :

- i. Kos penduaan (*backup*) data yang lebih murah

Membuat penduaan data pada kebiasaannya memerlukan kos yang agak besar untuk memperoleh peralatan dan perisian yang bersesuaian untuk tujuan tersebut. Kos penyelenggaraan untuk melaksanakan kerja-kerja berkenaan juga perlu diambilkira.

ii. Penjimatan ruang penyimpanan fizikal

Perkhidmatan ini dapat menjimatkan ruang kepada pengguna kerana BayuCloud tidak memerlukan ruang penyimpanan fizikal kecuali di pusat data di mana BayuCloud diletakkan.

iii. Keselamatan data lebih terjamin

Kerosakan media storan fizikal yang sering dihadapi jika data disimpan secara konvensional boleh dielakkan kerana pengendali BayuCloud mempunyai mekanisme penduaan yang khusus untuk menangani isu kerosakan media storan fizikal. Penyimpanan data juga melalui proses penyulitan (*encryption*) bagi memastikan hanya pengguna yang dibenarkan boleh mengakses data berkenaan.

iv. Pengurusan data secara automatik

Pengendali BayuCloud melaksanakan kerja-kerja penyimpanan dan penduaan data secara automatik melalui penggunaan alat (*tools*) yang bersesuaian.

v. Mudah dicapai kerana capaian ke atas data boleh dilakukan melalui pelbagai peranti (*device*) elektronik

Data yang disimpan melalui BayuCloud boleh diakses melalui pelbagai peranti elektronik asalkan ianya dihubungkan dengan rangkaian Internet.

vi. *Synchronization*

Aktiviti *synchronization* membolehkan data dikemaskini di semua peranti elektronik yang digunakan oleh pengguna. Dengan cara ini, pengguna dipastikan dapat mengakses data yang terkini dari mana-mana peranti elektronik yang digunakannya.

vii. Perkongsian

Aktiviti perkongsian data dipermudahkan dengan ciri-ciri tertentu menurut kehendak pemilik data. Data bersaiz besar yang pada kebiasaanya tidak sesuai dihantar melalui emel boleh dimuat turun dengan menggunakan kemudahan yang terdapat di BayuCloud.

viii. Kolaborasi

Ciri ini boleh dimanfaatkan sekiranya sekumpulan pengguna perlu bekerjasama dan berkolaborasi terhadap apa-apa dokumen untuk satu-satu projek.

ix. Sebagai perantara penduaan data (*backup data medium*)

BayuCloud boleh bertindak sebagai perantara penduaan data (*backup data medium*) untuk perlindungan data yang berkesan kerana data disimpan di lokasi yang berbeza daripada lokasi asal.

x. Kemudahan pemulihan data (*data recovery*) yang baik

BayuCloud menyediakan kemudahan pemulihan data yang baik sekiranya data asal musnah atau tidak dapat dicapai.

3. PANDUAN PENGGUNAAN PERKHIDMATAN BAYUCLOUD

3.1 Permohonan untuk menggunakan perkhidmatan

Permohonan hendaklah dimajukan kepada JPKN di alamat berikut:

Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Beg Berkunci 2057
88999 Kota Kinabalu

atau melalui alamat emel : jpkn@sabah.gov.my, atau melalui pejabat-pejabat cawangan JPKN, atau Kumpulan Sokongan IT (KSIT) di jabatan atau agensi masing-masing.

3.2 Penilaian permohonan

Penilaian permohonan penggunaan perkhidmatan ini akan ditentukan oleh JPKN.

3.3 Status permohonan

Bagi setiap permohonan yang diluluskan, satu akaun akan diwujudkan.

JPKN akan memaklumkan status permohonan pengguna melalui pejabat-pejabat cawangan JPKN, atau Kumpulan Sokongan IT (KSIT) di jabatan atau agensi masing-masing.

3.4 Saiz ruang BayuCloud yang diperuntukkan

Warga kerja KNS yang terpilih untuk menggunakan perkhidmatan ini akan diperuntukkan ruang BayuCloud bersaiz 1.5 gigabait (GB).

3.5 Permohonan tambah saiz ruang BayuCloud

Hubungi JPKN dengan menyatakan justifikasi permohonan melalui alamat atau emel yang dinyatakan dalam perenggan 3.1.

3.6 Kawalan dan pemantauan

Perkhidmatan BayuCloud diletakkan di bawah kawalan JPKN yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan perkhidmatan ini dan melaksanakan pemantauan aktiviti dari semasa ke semasa bagi mengelakkan sebarang insiden keselamatan dan penyalahgunaan kemudahan daripada berlaku.

Jika didapati pengguna telah melanggar peraturan dan garis panduan yang ditetapkan, maka kemudahan ini boleh ditarik balik.

3.7 Akaun tidak aktif

Keaktifan penggunaan perkhidmatan ini akan dipantau setiap enam (6) bulan iaitu pada bulan Jun dan Disember. Sekiranya akaun tidak aktif untuk tempoh enam (6) bulan, peringatan sebanyak dua (2) kali akan dikeluarkan kepada pengguna melalui emel. Selepas tempoh lapan (8) bulan, sekiranya didapati akaun masih tidak aktif, akaun tersebut akan dihapuskan, dan pengguna perlu memohon semula akaun baru sekiranya masih memerlukan perkhidmatan ini.

4. PRINSIP-PRINSIP PENGGUNAAN PERKHIDMATAN BAYUCLOUD

- ⑩ Kemudahan ini adalah untuk kegunaan **urusan rasmi sahaja**, selaras dengan ketetapan pekeliling dan dasar pelaksanaan Kerajaan Elektronik yang sedia ada.
- ⑩ Akses penggunaan perkhidmatan ini hanya untuk tujuan spesifik dan dihadkan kepada penggunaan yang positif seperti fail digital yang berhubungkait dengan tugas rasmi.
- ⑩ Semua pengguna bertanggungjawab untuk melindungi aset ICT daripada sebarang kesilapan, kebocoran maklumat terperingkat, atau manipulasi.
- ⑩ Garis Panduan ini hendaklah dibaca, difahami dan dipatuhi bagi mengelakkan sebarang bentuk pelanggaran ke atasnya yang boleh membawa ancaman kepada keselamatan ICT dan mengakibatkan pembaziran atau gangguan terhadap penggunaan kemudahan yang disediakan.
- ⑩ Penggunaan BayuCloud perlu mematuhi ketetapan pekeliling dan dasar berikut :
 - ↳ Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2003 (Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet Dan Mel Elektronik Di Agensi-Agensi Kerajaan)
 - ↳ Dasar Keselamatan ICT Sektor Awam Negeri Sabah

5. KUAT KUASA

Surat pekeliling ini berkuat kuasa pada tarikh ia ditandatangani.

Sekian, dan terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“JIMAT DAN PRODUKTIF”**



(DATUK BAHARI HJ. HASSAN)
Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan